

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status terkini projek Hospital Dungun.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelaksanaan Hospital Dungun dengan kemudahan 108 buah katil berjalan mengikut perancangan seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana. Pembinaan Hospital Dungun ini merangkumi dua (2) fasa iaitu Fasa 1A: Kerja-Kerja Awalan dan Kerja Tanah dan Fasa 1B: Kerja-Kerja Bangunan.

Bagi Fasa 1A: Kerja-Kerja Awalan dan Kerja Tanah, pelaksanaan kerja-kerja berkenaan sedang giat dilaksanakan oleh pihak JKR selaku pasukan pengurus projek, di mana status terkini kemajuan di tapak bina adalah sebanyak 61.24 peratus berbanding jadual 100 peratus. Kelewatan ini disebabkan oleh hujan yang amat luar biasa melanda

Pantai Timur khususnya, di Negeri Terengganu pada bulan November 2014 hingga pertengahan Januari 2015. Pihak JKR telah mengambil inisiatif dengan mengarahkan pihak kontraktor untuk mempercepatkan kerja-kerja berkenaan bagi memastikan pelaksanaan Fasa 1A: Kerja-Kerja Awalan dan Kerja Tanah disiapkan dengan kadar yang segera. Selain itu juga, pihak JKR sedang mempertimbangkan permohonan Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 92 hari daripada pihak kontraktor di mana jika ia diluluskan, Tarikh Siap Semasa bagi Fasa 1A ini adalah pada 31 Mei 2015.

Bagi Fasa 1B: Kerja-Kerja Bangunan, Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management*) telah diadakan pada 15 hingga 19 Disember 2014. Selain itu juga, KKM telah meluluskan *Preliminary Detailed Abstract* (PDA) bagi Fasa 1B berkenaan pada 26 Januari 2015.

Pada masa ini, pihak JKR sedang melaksanakan proses perolehan kerja bagi Fasa 1B: Kerja-Kerja Bangunan bagi pembinaan Hospital Dungun di mana Taklimat Tender dan Lawatan Tapak telah diadakan pada 26 Februari 2015. Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan pada September 2015 manakala, Tarikh Milik Tapak (TMT) dijangka pada Oktober 2015.